Terap disiplin, nilai kemanusiaan elak pelajar 'mengganas' dalam sukan

Oleh Prof Madya Dr Mohamad Nizam Nazarudin - Jun 9, 2024 @ 10:22am
bhrencana@bh.com.my



- Foto hiasan

Kejadian pemain bola sepak sekolah menengah menyerang pengadil dalam pertandingan peringkat daerah dirakam dalam video baru-baru ini menimbulkan pelbagai reaksi di media sosial.

Ramai tidak bersetuju dengan tingkah laku pemain pasukan terbabit, namun terdapat komen menyebelahi mereka.

Terdahulu, tersebar pula video perlawanan bola sepak membabitkan pelajar sekolah rendah menyaksikan salah seorang pemain melakukan aksi tendangan ala kung fu dan memukul pemain lawan. Walaupun tidak terdapat penjelasan jelas berkenaan insiden berkenaan, tetapi ia menimbulkan kerisauan dalam kalangan masyarakat

Apa yang menarik di sini adalah contoh jelas mengenai kemerosotan disiplin dan etika dalam sukan dalam kalangan pelajar sekolah. Soalnya, apakah faktor mungkin menyumbang kepada kejadian ini.

Dalam era digital masa kini, pelajar terdedah kepada pelbagai bentuk media sosial dan mudah mengakses kandungan memaparkan kekerasan. Platform media sosial

memudahkan penyebaran video sukan mengandungi aksi agresif atau melanggar etika, sering kali dilihat sebagai aksi wira atau mengagumkan.

Kesan pemaparan berulang kepada aksi seperti ini boleh menyebabkan norma sosial pelajar berubah, iaitu mereka mungkin mula menganggap kekerasan sebagai suatu tindakan boleh diterima atau bahkan dikehendaki dalam sukan.

Fenomena ini semakin parah disebabkan kurangnya kecaman terhadap aksi kekerasan ditunjukkan, membiarkan ruang persepsi terbuka bagi pelajar meniru apa yang mereka lihat.

Cari jalan pintas untuk menang

Selain itu, tekanan di sekolah, dalam keluarga dan memaksa diri mencapai prestasi tinggi dalam sukan boleh mendorong pelajar mencari jalan pintas mencapai kejayaan, termasuk melalui tindakan melanggar etika atau bertindak agresif. Situasi ini berlaku dalam sistem yang menilai kejayaan berdasarkan kemenangan dan pencapaian sahaja tanpa mempertimbangkan cara pencapaian.

Hal ini boleh menghasilkan persepsi salah dalam kalangan pelajar bahawa segala cara, termasuk tidak bermoral, dibenarkan demi kemenangan.

Insiden kekerasan dan melanggar etika juga sering kali berlaku akibat kurangnya kawalan dan pengawasan efektif ketika perlawanan.

Tanpa kehadiran pengadil cekap atau pengawasan ketat daripada penganjur sukan, pelajar mungkin berasa lebih bebas untuk bertindak sesuka hati.

Kes pengadil gagal bertindak tegas terhadap pelanggaran etika atau disiplin serta provokasi jurulatih atau penyokong memungkinkan norma negatif ini berkembang dan akhirnya diterima sebagai sebahagian daripada kegiatan sukan.

Justeru, masyarakat mempunyai peranan penting dalam membentuk nilai dan tingkah laku positif dalam kalangan pelajar yang aktif bersukan atau menjadi atlet. Beberapa langkah boleh diambil untuk menangani masalah ini.

l Pertama, pendidikan nilai dan etika harus bermula dari rumah. Ibu bapa perlu memainkan peranan proaktif mendidik anak pentingnya menghormati lawan dan pengadil dalam sukan. Mereka boleh melakukan ini melalui perbincangan harian dan memberikan contoh tingkah laku baik dalam kehidupan seharian.

Selain itu, jurulatih dan guru harus bekerjasama untuk memastikan nilai etika dan disiplin ketika bersukan diterapkan dalam sesi latihan serta pengajaran di sekolah, mendorong pelajar mengamalkan semangat kesukanan sebenar.

l Kedua, sekolah harus menguatkuasakan disiplin dengan tegas dan konsisten. Ini termasuk memperkenalkan dan menegakkan kod tatalaku sukan jelas, yang mana pelajar melanggar peraturan akan dikenakan tindakan seperti penggantungan daripada perlawanan atau aktiviti kokurikulum.

Jika perlu, pelajar menghadapi masalah mengawal aksi dan baran perlu diberikan pendidikan kaunseling berterusan untuk mengatasi faktor mendorong tingkah laku agresif mereka dalam sukan atau perlawanan.

l Ketiga, pengadil dan jurulatih perlu diberi latihan khusus mengendalikan situasi tegang. Kadangkala pengadil diambil daripada kalangan guru sahaja.

Ini mungkin menyebabkan mereka alpa dengan undang-undang permainan atau tiada kemahiran untuk mengelakkan serta menangani konflik di lapangan.

Jurulatih pula perlu mengenali tanda stres atau agresif pemain di bawah bimbingannya dan berusaha menanganinya secara efektif. Ini dapat membantu memastikan perlawanan dijalankan dalam suasana adil dan selamat.

Akhirnya, komuniti setempat juga boleh memainkan peranan melalui penganjuran program dan kempen kesedaran mengenai kesan buruk kekerasan dalam sukan. Ini boleh membabitkan pelbagai aktiviti menonjolkan nilai positif seperti kerjasama, saling menghormati, dan integriti.

Apa yang penting, pendidikan nilai kemanusiaan di rumah, penguatkuasaan disiplin di sekolah, latihan pengadilan dan pengurusan konflik serta program komuniti serta sokongan psikologi perlu diperkukuhkan jika kita mahu membentuk ekosistem sukan lebih positif dan saling menghormati dengan pihak lawan.

Ini bukan sahaja akan mengurangkan insiden negatif tetapi memperkukuhkan peranan sukan sebagai alat pendidikan karakter berkesan.

Punulis adalah Pensyarah Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia